

**Langkawi:** Gerakan bersepadu Jabatan Perikanan dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu selama lima hari di perairan utara Semenanjung menyaksikan lima kapal bersama tangkapan bernilai RM1.9 juta dirampas.

Operasi disertai 25 anggota membabitkan penguat kuasa Jabatan Perikanan dan PPM Wilayah Satu bermula pada Ahad lalu dan berakhir di Langkawi, semalam.

Pengarah Perikanan Kedah, Sukri Deris berkata, dalam operasi itu, lima kapal penangkapan ikan tempatan ditahan kerana melanggar Akta Perikanan 1985.

"Hasil rondaan yang dilakukan, tiga tangkapan berjaya dilakukan di perairan Pulau Langkawi, manakala dua lagi berhampiran Kuala Kedah.

"Seramai 20 nelayan warga Thailand dan Kem-

# Rampas lima kapal bersama tangkapan bernilai RM1.9 juta

Hm 20/1/2023 ms: 16



SUKRI (kanan sekali) melakukan pemeriksaan ke atas pukot yang dirampas. - Gambar NSTP/HAMZAH OSMAN

boja berusia 20 hingga 60 tahun ditahan bersama hasil tangkapan ikan campur seberat 1,700 kilogram," katanya pada sidang media di Pejabat Perikanan Daerah Langkawi di sini, semalam.

Sukri berkata, keseluruhan hasil rampasan sepanjang operasi itu dianggarkan RM1.9 juta membabitkan lima kapal pukot tunda beserta hasil tangkapan.

“Seramai 20 nelayan warga Thailand dan Kemboja berusia ditahan  
Sukri

“Pemeriksaan mendapati semua kapal terbabit melakukan kesalahan melanggar syarat sah lesen iaitu melakukan tangkapan ikan dalam zon yang tidak dibenarkan serta menggunakan peralatan tidak mengikut spesifikasi,” kata-

nya.